

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
TARIKH : 25 MAC 2015
SOALAN :

YB Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah penjenayah yang telah disabitkan kesalahan jenayah kekerasan dan didapati mempunyai masalah mental menerima rawatan pemulihan yang sepatutnya dan berapa ramai daripada mereka yang telah berjaya dipulihkan setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kebiasaannya bagi penjenayah yang disyaki mempunyai masalah mental, mereka akan dirujuk kepada pakar psikiatri untuk penilaian status kesihatan mental. Sekiranya disahkan oleh pakar psikiatri bahawa mereka mempunyai masalah atau penyakit mental, mereka akan diberi rawatan dan menjalani pemulihan di institusi-institusi mental.

Walau bagaimanapun, sistem Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mempunyai maklumat yang spesifik tentang data penjenayah yang disabitkan kesalahan jenayah kekerasan dan mempunyai masalah mental.